

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG

KAWASAN : ALOR GAJAH

TARIKH : 30 MAC 2015 (ISNIN)

NO. SOALAN : 11

Y.B. DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah perkembangan kerangka kerja penurunan harga kereta dalam NAP 2014 selepas setahun dan apakah kesan daripada penurunan nilai matawang ringgit dalam kerangka kerja ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 yang telah diumumkan pada 20 Januari 2014 merupakan antara langkah Kerajaan ke arah liberalisasi industri automotif tempatan supaya menjadi lebih progresif dan berdaya saing.

Kesan daripada liberalisasi ini, syarikat pengeluar kenderaan tempatan telah mula mengambil langkah untuk meningkatkan daya saing masing-masing melalui penambahbaikan operasi pengeluaran supaya menjadi lebih cekap dan seterusnya dapat mengurangkan kos pengeluaran.

Ia juga telah mewujudkan persaingan harga kenderaan yang lebih sengit di pasaran tempatan. Sebagai contoh, sepanjang tahun 2014, terdapat penurunan harga bagi beberapa lagi model kenderaan penumpang, iaitu antara 9 hingga 29 peratus. Penurunan harga kenderaan pada tahun 2014 ini dianggarkan telah meliputi 80 peratus daripada jumlah jualan kenderaan. Bagi tahun 2015, purata penurunan harga yang telah dicapai sehingga kini adalah sebanyak 2.77 peratus.

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan soalan mengenai kesan daripada penurunan nilai matawang ringgit ke atas kerangka kerja penurunan harga kereta, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lazimnya, isu-isu seperti penurunan harga minyak global atau penyusutan nilai mata wang Ringgit adalah bersifat sementara. Oleh yang demikian, satu kajian terperinci mengenai perkara ini sedang dijalankan oleh Malaysia Automotive Institute (MAI) untuk melihat kesan jangka panjang sekiranya masalah ini berkekalan untuk satu jangka masa yang panjang supaya langkah-langkah sewajarnya diambil bagi menangani kesan-kesan tersebut bagi memastikan pembangunan berterusan industri automotif tempatan.